

## MINGGU 1: SEJARAH, MASYARAKAT & BUDAYA



### APA ITU SEJARAH ?

- Sejarah merangkumi perkara penting yang memberi kesan kepada individu, masyarakat dan sesebuah negara.
- Sejarah perlu dipelajari untuk menghasilkan pemahaman mendalam tentang keperibadian negara dan peradaban masyarakat malaysia yang unik dan kompleks.
- Colligwood (1986) - sifat ilmu sejarah yang dikatakan sebagai satu bidang ilmu yg sentiasa progressif dan sentiasa dikaji semula dan diberi interpretasi baru.
- Sejarah bukan mengenai masa lalu, tidak juga Cuma mengenai pemikiran sejarawan tetapi sebenarnya mengenai hubungan timbal balik di antara keduanya.

### APA ITU MASYARAKAT ?

- Lucy Mair (1965) - manusia yang saling berhubung secara kolektif dan mempunyai hak/tanggungjawab yang saling mengiktiraf
- Ralph Linton (1936) - kelompok manusia yang telah lama hidup bersama dan saling bekerjasama sehingga dapat mengorganisasikan diri sebagai satu kesatuan sosial
- Mac Iver dan Charles H. Page (1972) - satu sistem pemakaian kuasa dan saling bantu membantu, mangawal kelakuan dan kebebasan manusia

Bagaimana Senario  
Masyarakat di  
Malaysia ?

- Lyson (1964) - bentuk-bentuk pergaulan keluarga, suku, bangsa, pengikut agama, persyarikatan dan sebagainya
- Aziz Deraman (1975) - kelompok manusia, tua muda, laki-laki perempuan yang mempunyai hubungan sosial dalam sesuatu penempatan yang sama

- Pra syarat kewujudan masyarakat:
- Terdiri daripada manusia
- Berhubungan dan bekerjasama
- Mempunyai kesatuan sosial
- Membina kebudayaan

### CIRI<sub>2</sub> MASYARAKAT

- Manusia yang hidup dalam satu kelompok
- Msyrt mewujudkan kebudayaan
- Msyrt mengalami perubahan - dalaman atau luaran. CONTOH ?
- Anggota msyrt itu berinteraksi
- Sistem pentadbiran yang teratur
- Stratifikasi sosial

## MASYARAKAT MAJMUK

- Pembahagian kuasa wujud di antara kelompok2 yang disatukan dengan perasaan taat setia, nilai bersama dan imbangku kuasa.
- Msyrt daripada pelbagai kelompok ras atau etnik yang berada di bawah satu sistem pemerintahan
- Msyrt pelbagai kaum yang berasingan, kurang interaksi sosial, hubungan yang terbatas yang mempunyai kebudayaan, agama, bahasa dan adat resam yang tersendiri (J.S. Furnivill)

- Campuran pelbagai kelompok manusia, dari segi politik timbul akibat dominasi penjajah dan ketiadaan atau kelemahan azam sosial bersama
- Msyrt yang mempunyai kepelbagaiannya budaya, perpecahan sosial, perselisihan dan dari segi politik dikuasai oleh satu kelompok minoriti yang mempunyai kebudayaan sendiri. Ia wujud atas dasar konflik dan paksaan dan bukannya atas dasar nilai bersama (M.G. Smith)

## CIRI<sub>2</sub> MASYARAKAT MAJMUK

- Tiada konsensus nilai
- Kepelbagaiannya kebudayaan
- Konflik antara kelompok yang berlainan
- Wujud autonomi/kebebasan dalam sistem sosial
- Saling bergantungan daripada segi ekonomi
- Dominasi politik oleh satu golongan
- Hubungan di antara kelompok bersifat *secondary/segmental* manakala hubungan dalam kelompok lebih bercorak *primary*

## APA ITU BUDAYA ?

- Ismail Faruqi - Kebudayaan sebahagian daripada adab -> cara hidup yang mempunyai nilai-nilai akhlak yang tinggi yang merangkumi segala aspek kehidupan dan tertakluk kepada ketetapan Allah S.W.T.
- Edward B. Taylor (1871) - Satu keseluruhan yang kompleks mengandungi pengetahuan, kepercayaan, kesenian, tatasusila, undang-undang, moral, adat resam, dan lain-lain kebolehan serta kebiasaan yang diperolehi oleh manusia sebagai ahli masyarakat

- Selo somardjan dan Soelaeman (1946) - hasil karya, rasa dan cita-cita masyarakat. Karya menghasilkan teknologi dan kebudayaan jasmaniah yang diperlukan oleh manusia untuk menguasai alam sekitarnya.
- Aziz Deraman- Semua yang manusia fikir, buat dan punyai dalam kehidupan seperti pengetahuan, kepercayaan, kesenian, undang-undang, moral, adat istiadat yang kita warisi daripada masyarakat kita

Contoh Budaya  
di Malaysia?

- Aspek penting kebudayaan :
- Kelakuan dan usaha manusia
- Peraturan terhadap kelakuan dan usaha manusia
- Hasil daripada kelakuan dan usaha manusia
- Kelakuan dan usaha manusia itu bertujuan murni untuk memajukan hidup

## APA ITU KENEGARAAN ?

- Negara -> masyarakat yang menduduki sesebuah kawasan dan diperintah oleh kerajaan tertentu
- Pengenalan terhadap aspek-aspek seperti bangsa, masyarakat, sistem politik dan sistem pemerintahan sesebuah negara
- Kajian mengenai sejarah pembentukan dan perkembangan negara meliputi sosiopolitik, ekonomi, masyarakat dan sosiobudayanya

## APA ITU POLITIK ?

- Sains sosial - satu cara mengendali dan mengurus hal ehwal masyarakat termasuklah ekonomi, keselamatan dan politik
- Politik memerlukan pemimpin ->satu kegiatan yang lahir dari naluri manusia untuk mendapatkan kuasa
- Ilmu dan seni berkaitan urusan sesebuah organisasi atau negara atau hubungan sesebuah negara
- Penguasaan terhadap ilmu tentang tujuan dan usaha ke arah memenuhi kewajipan memerintah

## MATLAMAT POLITIK



- Membentuk kehidupan (masyarakat & negara) yang adil dan makmur
- Tidak akan tercapai tanpa pemerintahan yang jujur, masyarakat yang sedar akan kepentingannya serta patriotisme yang tinggi

## POLITIK TRADISIONAL vs POLITIK MODEN ?

- Tradisional -> dominan, berpandukan kepada kepercayaan, wujud jurang perbezaan, bersifat kejam
- Modern -> wujud idealogi perjuangan, peranan dan suara rakyat, raja tiada kuasa mutlak, perlembagaan perundangan tertinggi

## APA ITU IDEOLOGI ?

- GREEK -> Idea (pemikiran, tanggapan) dan logos (ilmu)
- Ilmu tentang konsep pemikiran, pegangan dan keyakinan-keyakinan
- Satu aliran fahaman, falsafah atau prinsip-prinsip perjuangan yang berpengaruh, diterima pakai dan mendorong kepada satu sistem, politik, ekonomi dan sosial

## IDEOLOGI NEGARA

- Melindungi dan memartabatkan negara
- Menegakkan identiti negara dan bangsa
- Mencapai keharmonian hidup bernegara
- Menanamkan sikap dan semangat patriotisme terhadap negara

